

REKONSTRUKSI WACANA KOLONIAL: PELAUT MELAYU, KUASA DAN PENULISAN SEMULA SEJARAH MARITIM

(Reconstructing the Colonial Discourse: Malay Seafarers, Power, and the Rewriting of Maritime History)

Ahamad Jama' Amin Yang
ahamadjamaamin@ipgm.edu.my

Jabatan Sejarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim, 08000 Sungai Petani, Kedah, Malaysia.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Ahamad Jama' Amin Yang. (2025). Rekonstruksi wacana kolonial: Pelaut Melayu, kuasa dan penulisan semula sejarah maritim. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 18(2), 177–200. [https://doi.org/10.37052/jm.18\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jm.18(2)no2)

Received: Peroleh:	19/4/2025	Revised: Semakan	20/6/2025	Accepted: Terima:	11/7/2025	Published online: Terbit dalam talian:	31/7/2025
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double blind peer-review process*)

Abstract

Makalah ini mengangkat persoalan kritikal tentang konstruksi wacana kolonial yang telah menjenamakan pelaut Melayu sebagai lanun dalam historiografi maritim Asia Tenggara — satu klasifikasi yang bukan sahaja sarat dengan prejudis kuasa, tetapi turut berfungsi sebagai alat hegemoni epistemik bagi menghakis legitimasi politik tempatan. Bertitik tolak daripada persoalan ini, makalah ini berhasrat untuk membongkar logik kuasa yang tersembunyi di sebalik retorik kolonial dan mengkaji bagaimana konsep lanun diposisikan sebagai strategi diskursif untuk menyingkirkan pelaut Melayu daripada ranah kedaulatan yang sah. Dengan menerapkan pendekatan analisis wacana kritis terhadap teks kolonial dan teks tradisional Melayu seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*, kajian ini menganalisis bagaimana kolonialisme telah beroperasi bukan sekadar melalui dominasi geografi, tetapi juga melalui penaklukan makna yang bersifat simbolik dan sistemik. Dapatan menunjukkan bahawa pelaut Melayu bukanlah anarkis seperti yang sering ditampilkan, tetapi merupakan pelaksana kedaulatan yang sah dalam ekosistem politik serantau yang berteraskan adat, protokol kenegaraan dan nilai kosmologi tempatan. Penulisan ini menegaskan keperluan

mendesak untuk membina semula naratif sejarah maritim Alam Melayu melalui kerangka epistemologi peribumi, yang mengiktiraf pelaut sebagai agen berdaulat dan penjaga maruah negeri. Penstrukturan semula wacana ini bukan sahaja menuntut keadilan sejarah, tetapi juga menjadi asas kepada pemerkasaan pengetahuan yang lebih jujur terhadap sejarah serantau yang telah lama dimanipulasi oleh bingkai kolonial.

Kata kunci: Wacana kolonial, pelaut Melayu, lanun, epistemologi tempatan, kedaulatan maritim, sejarah Alam Melayu

Abstrak

This article interrogates the colonial discursive construction that categorised Malay seafarers as pirates in the maritime historiography of Southeast Asia—a label laden with political prejudice and deployed as a hegemonic epistemic tool to undermine indigenous sovereignty. Anchored in this critical issue, the study aims to uncover the latent power structures embedded within colonial rhetoric and to examine how the notion of piracy functioned as a discursive strategy to delegitimise Malay maritime authority. This article employs a critical discourse analysis of colonial texts in comparison with traditional Malay sources, such as the Sejarah Melayu and Hikayat Hang Tuah. It examines how colonialism functioned not only through spatial domination but also through a systemic colonisation of meaning. The findings reveal that Malay seafarers were not anarchic actors as often portrayed; rather, they were legitimate executors of state sovereignty, situated within a regional political ecosystem governed by indigenous customs, royal protocol, and cosmological values. This study highlights the urgent need to reconstruct maritime history in the Malay world through the lens of indigenous epistemology, repositioning seafarers as sovereign agents and custodians of national honour. This shift in perspective is imperative not only for restoring historical justice but also for reclaiming intellectual sovereignty from established colonial viewpoints.

Keywords: colonial discourse, Malay seafarers, piracy, indigenous epistemology, maritime sovereignty, Malay world history

PENDAHULUAN

Dalam wacana kolonial, pelaut Melayu sering digambarkan secara reduktif sebagai lanun, suatu label sarat makna politik yang digunakan untuk membenarkan dominasi kuasa imperialis terhadap laluan maritim di Asia Tenggara. Naratif ini tidak bersifat neutral, sebaliknya merupakan sebahagian daripada strategi kuasa yang menyasarkan

bukan sahaja penguasaan geografi, tetapi juga penguasaan terhadap makna dan persepsi sejarah. Dalam karya seperti *Jaddi the Malay Pirate* (French, 1922), pelayar Melayu dikonstruksikan sebagai ancaman yang menggugat kestabilan perdagangan global, tanpa mengambil kira kerangka politik, budaya dan etika tempatan yang menyelubungi tindakan mereka. Penjenamaan tersebut bertujuan untuk menjustifikasi intervensi ketenteraan dan pembentukan undang-undang kolonial yang menafikan hak serta kedaulatan kerajaan peribumi.

Namun begitu, sebelum memahami bagaimana wacana kolonial membentuk persepsi ini, latar sejarah pelaut Melayu harus ditelusuri dengan teliti. Dalam konteks sejarah rantau ini, pelaut-pelaut Melayu, khususnya golongan orang laut di sekitar Selat Melaka, memainkan peranan penting sebagai tulang belakang pertahanan dan jaringan logistik kepada kerajaan Melaka sewaktu era kegemilangannya. Mereka bukan sekadar pelayar, tetapi berperanan sebagai tenaga utama dalam kawalan perairan dan pelabuhan, sekali gus menjadi sebahagian daripada struktur keselamatan dan diplomasi negeri (Andaya, 1975, 2008; Reid, 1988, 1993). Ketokohan Panglima Awang, juga dikenali sebagai Enrique of Malacca, yang berasal dari Sumatera dan terlibat dalam pelayaran mengelilingi dunia bersama Ferdinand Magellan pada abad ke-16, mencerminkan tahap kepakaran pelaut Melayu yang diiktiraf di peringkat antarabangsa (Kirk, 2007).

Dalam struktur pentadbiran kerajaan Melayu, pelaut berfungsi sebagai pegawai kanan dalam urusan perdagangan, kawalan cukai dan keselamatan maritim. Peranan ini diiktiraf secara formal dalam sistem kenegaraan, seperti yang tercatat dalam *Sejarah Melayu* (Brown, 1952) yang menggambarkan kedaulatan Melaka sebagai entiti yang berhak mengawal laluan laut serta mengenakan cukai terhadap kapal asing. *Hikayat Hang Tuah* (Kassim Ahmad, 2017) pula menampilkan laksamana sebagai penjaga laut yang strategik dan dihormati. Dalam konteks ini, lautan bukan sekadar ruang fizikal, tetapi wilayah berdaulat yang perlu dipertahankan secara terancang.

Namun, penting juga untuk diakui bahawa sejarah pelayaran Melayu bukan bersifat homogen. Memang terdapat segelintir pelaut dari pelbagai latar etnik di Alam Melayu, termasuk dalam kalangan orang Melayu sendiri yang terlibat dalam aktiviti pelanunan. Aktiviti ini tidak terbatas kepada etnik tertentu sahaja, tetapi turut melibatkan orang Bugis, Jawa, Ilanun dari wilayah Filipina Selatan dan pelaut dari China. Malah, kegiatan pelanunan turut berleluasa di wilayah Borneo serta perairan timur dan barat Semenanjung. Kegiatan ini tidak dapat dipisahkan daripada realiti sosial, ekonomi dan politik yang melingkungi rantau ini sebelum penjajahan secara menyeluruh berlaku (Warren, 2002).

Sehubungan dengan itu, wacana tentang pelaut Melayu dan pelanunan harus dilihat dalam kerangka yang lebih luas dan tidak terikat pada tafsiran kolonial

semata-mata. Seawal abad ke-19, kerajaan British telah melancarkan pelbagai inisiatif untuk membanteras pelanunan, khususnya di kawasan Selat Melaka. Langkah ini sebahagiannya didorong oleh kepentingan untuk mengamankan laluan perdagangan strategik serta meletakkan dasar undang-undang kolonial yang menyeluruh di rantau ini (Mills, 2003; Logan, 1849). Usaha ini bukan sekadar tindakan keselamatan, tetapi merupakan sebahagian daripada projek imperialis yang ingin menstrukturkan semula ruang maritim mengikut kepentingan kuasa Eropah.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Said (1978), kolonialisme tidak hanya menakluki tanah dan wilayah, tetapi turut menakluki makna. Kolonialisme menstrukturkan dunia bukan semata-mata melalui kekuatan senjata, tetapi melalui bahasa, gambaran dan pengetahuan yang menyisih. Dalam mencipta “Yang Lain”, Barat menempatkan Timur sebagai bayang-bayang kepada dirinya sendiri — sebagai yang liar, tidak rasional dan tidak bertamadun — demi mengabsahkan tugas imperialis sebagai pembawa peradaban. Dalam kerangka ini, Alam Melayu bukan sekadar dijajah secara fizikal, tetapi ditundukkan melalui naratif yang memadamkan agensi dan meremehkan struktur budaya serta politikanya.

Dalam dimensi pemikiran moden, intelektual seperti al-Attas (1972) menekankan bahawa konsep daulat dalam tradisi Melayu mencakupi bukan sahaja aspek geopolitik tetapi juga nilai moral dan maruah kolektif. Oleh itu, penguasaan laluan laut merupakan manifestasi kedaulatan spiritual dan politik yang tidak boleh dipisahkan. Pandangan ini turut disokong oleh Ungku Abdul Aziz (1980) yang menegaskan bahawa sejarah dan pembangunan masyarakat Melayu perlu dianalisis melalui dimensi budaya dan nilai tempatan yang integral, manakala Shaharir Mohamad Zain (2008) berpandangan bahawa dalam falsafah sains Melayu, ruang maritim tidak dapat diasingkan daripada struktur etika dan politik yang tersusun.

Sehubungan dengan itu, istilah lanun yang sering digunakan dalam wacana kolonial harus difahami sebagai konstruk retorik yang bertujuan untuk menafikan kesahihan kuasa maritim tempatan. Dalam kerangka epistemologi Melayu, tindakan mempertahankan perairan tidak pernah bersifat anarki, sebaliknya merupakan reaksi sah terhadap pencerobohan, ketidakseimbangan ekonomi dan pelanggaran hubungan diplomatik. Dalam konteks ini, pelaut Melayu wajar dilihat sebagai aktor politik yang sah dan strategik dalam jaringan hubungan serantau, bukan semata-mata sebagai unsur ketidakteraturan yang mengancam kestabilan.

Makalah ini menelusuri semula naratif sejarah maritim Melayu dengan memberi keutamaan pada sumber dan kerangka tafsiran tempatan. Pendekatan ini berhasrat untuk mendedahkan bagaimana wacana kolonial telah membentuk persepsi yang berat sebelah terhadap warisan maritim Alam Melayu, sekali gus menegaskan keperluan

penulisan semula sejarah berasaskan keadilan epistemologi dan penghormatan terhadap agensi politik masyarakat tempatan.

KAJIAN LEPAS

Historiografi sejarah maritim Alam Melayu sejak dekad akhir abad ke-20 memperlihatkan usaha bersungguh-sungguh oleh sejarawan untuk membongkar dan menyusun semula naratif yang telah lama dikaburi oleh tafsiran kolonial. Tanggapan yang mendominasi selama ini, khususnya yang menempatkan pelaut Melayu sebagai lanun atau pengacau perairan, mula dicabar melalui penyelidikan yang lebih holistik dan berpaksikan pemahaman terhadap sistem sosial, politik dan ekonomi tempatan. Reid (1993) telah menggariskan bahawa pelabuhan dan aktiviti pelayaran di Asia Tenggara tidak hanya memainkan peranan ekonomi, tetapi turut menjadi pusat pertumbuhan kuasa politik sepanjang zaman perdagangan. Dalam nada yang serupa, Lombard (1990) menampilkan wilayah maritim Melayu sebagai titik pertemuan antara kuasa budaya dan ekonomi global yang mengukuhkan hakikat bahawa pelayaran merupakan tunjang pembinaan kuasa politik dan jaringan serantau yang kompleks. Warren (2002) pula tampil secara lebih konfrontatif terhadap stereotaip kolonial, khususnya dengan mengetengahkan bahawa serangan laut oleh kelompok Iranun dan Balangingi bukan sebagai tindakan perompakan semata-mata, tetapi sebagai sebahagian daripada struktur sosial dan sistem ekonomi yang tersusun dalam masyarakat maritim peribumi.

Meskipun karya-karya ini telah membuka ruang kepada pemahaman yang lebih adil terhadap sejarah maritim tempatan, sebahagian besarnya masih beroperasi dalam kerangka empirik dan deskriptif tanpa secara mendalam menanggapi bagaimana makna kuasa maritim itu dibentuk, disebarkan dan dipertikaikan dalam medan wacana yang lebih luas. Dalam konteks ini, karya Milner (1982) memperlihatkan anjakan penting apabila beliau mengangkat perbincangan tentang konsep kekuasaan dalam budaya politik Melayu. Menurut Milner, sistem politik Melayu tidak terikat pada institusi yang tersusun secara formal, tetapi diasaskan pada hubungan peribadi, simbolisme daulat dan aura karisma pemerintah. Dalam tafsiran ini, raja bukan sekadar pemegang kuasa pentadbiran, tetapi merupakan pusat pada jaringan kesetiaan dan legitimasi yang berasaskan pengiktirafan budaya terhadap kedaulatan.

Namun begitu, keghairahan Milner dalam menonjolkan unsur simbolik menyebabkan analisisnya terhenti pada pemaknaan ritual kuasa dan tidak sampai kepada dimensi fungsional yang bersifat geopolitik. Beliau kurang memberi perhatian terhadap peranan struktur pelaut dan laksamana sebagai pemegang

tanggungjawab strategik dalam pengawalan perairan, pelaksanaan dasar luar dan pertahanan wilayah. Kekaburan ini menyebabkan pelaut Melayu terus dipinggirkan daripada wacana kekuasaan dan hanya dilihat sebagai entiti sokongan dalam pentas politik diraja, walhal mereka merupakan pelaksana utama yang memperkukuh daulat melalui tindakan nyata di ruang maritim.

Dalam ranah kajian kolonial awal, karya Logan (1849) menyediakan gambaran yang lebih kompleks dan bernuansa terhadap isu pelanunan. Logan meneliti dengan terperinci struktur kegiatan pelaut Iranun dan Banguingui serta menunjukkan bahawa aktiviti yang dianggap sebagai pelanunan sebenarnya berkait rapat dengan sistem kuasa tempatan. Menurut beliau, pelaut-pelaut ini berfungsi dalam jaringan ekonomi dan politik yang disokong oleh pemerintah serantau, termasuk pengumpulan hasil, kawalan pelabuhan dan perlindungan laluan perdagangan. Meskipun tulisan Logan masih beroperasi dalam kerangka pemikiran kolonial, beliau tidak menolak hakikat bahawa pelaut tempatan memiliki sistem tersendiri yang tersusun dan tidak wajar disamakan dengan jenayah anarki.

Kritik terhadap naratif kolonial semakin mantap dalam karya Mills (2003) yang menganalisis secara kritikal bagaimana isu pelanunan dijadikan alasan strategik untuk peluasan kuasa British. Mills membongkar bagaimana wacana lanun telah dikonstruksikan oleh pentadbiran kolonial untuk menggambarkan kekacauan dan ketidakstabilan politik tempatan yang kononnya memerlukan intervensi imperial. Dalam konteks ini, pelaut Melayu yang menjalankan tugas mempertahankan wilayah atau memungut cukai sering kali dilabelkan sebagai penjenayah laut, sedangkan mereka bertindak dalam kerangka undang-undang dan adat yang diiktiraf oleh struktur politik tempatan. Mills menegaskan bahawa naratif pelanunan merupakan instrumen ideologi yang digunakan bagi menghapuskan legitimasi pemerintahan tempatan dan mengabsahkan campur tangan kuasa asing atas nama ketenteraman.

Walaupun karya Logan dan Mills menawarkan sudut pandang yang lebih mendalam terhadap realiti maritim Alam Melayu, naratif kolonial tetap menguasai pemaknaan umum terhadap sejarah pelaut peribumi. Oleh itu, pendekatan sejarah yang bersifat hermeneutik dan kritikal seperti yang dikembangkan oleh Gadamer (1975) dan Ricoeur (1984) membuka medan baharu dalam memahami bagaimana makna dibentuk, dilawan dan diwarisi melalui teks dan kuasa. Pendekatan ini membolehkan pembacaan silang antara teks tradisional seperti *Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah* dengan dokumen kolonial seperti *Jaddi the Malay Pirate* (French, 1922) yang memperlihatkan pertembungan tafsiran berkenaan kedaulatan, legitimasi dan watak politik pelaut Melayu.

Makalah ini mengisi kekosongan tersebut dengan menggabungkan pendekatan analisis wacana kritis dan pembacaan hermeneutik sejarah bagi membongkar struktur

dominasi kolonial yang memonopoli istilah lanun serta mengangkat semula pelaut Melayu sebagai subjek yang sah dalam kerangka epistemologi dan politik tempatan. Sejarah maritim Alam Melayu sewajarnya difahami bukan semata-mata sebagai rangkaian peristiwa pelayaran dan serangan laut, tetapi sebagai medan tafsiran yang memperlihatkan pergelutan dua sistem nilai dan kuasa, iaitu kosmologi kolonial yang berteraskan hegemoni dan kosmologi peribumi yang berpaksikan daulat, adat serta tanggungjawab geopolitik yang lestari.

METODOLOGI

Penulisan ini berakar daripada kesedaran bahawa sejarah bukan semata-mata rekod fakta, tetapi medan pertarungan makna. Oleh itu, pendekatan metodologi yang digunakan adalah bersifat kualitatif dan berasaskan pemahaman bahawa setiap teks — sama ada kolonial mahupun tradisional — merupakan produk kuasa dan medan pergelutan epistemologi. Bagi mendekati isu representasi pelaut Melayu dan wacana lanun dalam konteks sejarah maritim, tiga pendekatan yang saling melengkapi digabungkan, iaitu analisis wacana kritis, hermeneutik sejarah dan sejarah idea.

Analisis wacana kritis berfungsi sebagai instrumen awal untuk membongkar struktur kuasa yang terpendam dalam teks kolonial. Seperti yang diujahkan oleh Fairclough (1992), wacana merupakan tindakan sosial yang menghasilkan, mengekalkan, malah menyamarkan dominasi. Dalam konteks ini, teks seperti *The British Dependencies in the Malay Indies* oleh Lucas (1921) dan naratif popular seperti *Jaddi the Malay Pirate* (French, 1922) tidak diambil pada nilai permukaannya, tetapi dibedah sebagai konstruksi ideologi yang menormalisasi kehadiran kolonial melalui penjenamaan pelaut Melayu sebagai ancaman terhadap “ketertiban” imperialis. Tumpuan diberikan kepada strategi naratif dan semiotik yang beroperasi untuk menjustifikasi kekuasaan dengan meminggirkan agensi politik peribumi. Pemilihan istilah, polariti moral dan binaan binari seperti “peradaban lawan kekacauan” merupakan teknik linguistik yang menjadi medan kuasa tersirat.

Untuk memperhalus pemahaman terhadap struktur makna yang tertanam dalam naratif tempatan, pendekatan hermeneutik sejarah diterapkan. Mengikut prinsip yang dibangunkan oleh Gadamer (1975) dan Ricoeur (1984), hermeneutik tidak sekadar membaca teks sebagai representasi realiti, tetapi sebagai horizon makna yang terbina melalui dialog antara pengarang, teks dan pembaca. Melalui pendekatan ini, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah* dan pelbagai teks istana lain dibaca sebagai wacana politik yang merakamkan logik kuasa, kedaulatan dan maruah kenegaraan. Hermeneutik membolehkan peneliti menelusuri ke dalam kerangka epistemologi tradisional, yang melihat lautan bukan sekadar ruang ekonomi atau

strategi ketenteraan, tetapi wilayah berdaulat yang tunduk kepada struktur nilai, adat dan simbolisme kenegaraan. Di sinilah pelaut — khususnya laksamana — difahami sebagai pemegang mandat kuasa, bukan pelanggar undang-undang.

Melengkapi kedua-dua pendekatan tersebut ialah kerangka sejarah idea, yang menempatkan makna sebagai medan pergelutan konsep. Pendekatan ini menekankan bahawa makna terhadap konsep-konsep seperti lanun, daulat, perairan negeri dan kedaulatan maritim tidak bersifat tetap, tetapi berubah-ubah mengikut konteks budaya, kuasa dan sejarah. Seperti yang diujahkan oleh Skinner (2002) dan Pocock (2009), konsep politik harus ditelusuri sebagai produk interaksi antara teks dan konteks yang bersejarah. Melalui kerangka tersebut, makalah ini meneliti bagaimana pelaut yang pada suatu ketika dimaknai sebagai pelindung dan pemakmur negeri, telah digantikan oleh imej lanun sebagai elemen anti-sosial yang membolehkan kuasa kolonial memperkenalkan intervensi ke atas wilayah perairan.

Gabungan ketiga-tiga pendekatan ini — wacana kritis untuk membongkar kuasa dalam bahasa, hermeneutik untuk menanggapi horizon makna tradisional dan sejarah idea untuk menelusuri transformasi konsep — membentuk kerangka metodologi yang saling memperkuat. Metodologi ini bukan sekadar digunakan sebagai alat analisis, tetapi sebagai bentuk penentangan intelektual terhadap monopoli epistemologi dalam penulisan sejarah. Gabungan tersebut berfungsi untuk merawat luka epistemik yang ditinggalkan oleh kolonialisme dengan memberikan semula ruang kepada rasionaliti tempatan, serta membina sejarah yang lebih adil terhadap pengalaman, simbol dan agensi masyarakat maritim Melayu.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Naratif Kolonial dan Pembentukan Imej Lanun

Naratif kolonial tentang pelaut Melayu sebagai lanun bukanlah gambaran yang bersifat fakta neutral, sebaliknya suatu konstruk wacana yang berfungsi untuk merombak kefahaman tempatan mengenai kedaulatan dan legitimasi kuasa maritim. Di sebalik gambaran tentang ancaman keselamatan dan ketidaktenteraman wilayah, istilah lanun menjadi mekanisme bahasa yang digunakan oleh kuasa kolonial untuk mendefinisikan semula tindakan pelaut Melayu sebagai jenayah antarabangsa, sekali gus menafikan status politik mereka sebagai pelindung wilayah berdaulat.

Karya seperti *Jaddi the Malay Pirate* (1920) merupakan contoh klasik tentang bagaimana kuasa kolonial mencipta naratif yang membingkai pelaut Melayu dalam kerangka ancaman moral. Watak Jaddi digambarkan bukan sekadar sebagai perompak laut, tetapi sebagai lambang kebuasan budaya Melayu yang tidak mampu mentadbir diri. Namun, apabila teks ini dibaca dalam konteks sejarah dan geopolitik

Johor pada abad ke-19, tindakan Jadee mempertahankan wilayah maritim daripada dominasi Belanda sebenarnya mencerminkan bentuk perlawanan politik yang sah terhadap penjajahan ekonomi dan militer kuasa asing.

Penjenamaan ini memperlihatkan bagaimana kuasa kolonial bukan sahaja menguasai wilayah geografi, tetapi juga medan makna. Said (1978) menegaskan bahawa kolonialisme beroperasi menerusi keupayaan mentafsir realiti orang lain. Dunia Melayu ditampilkan sebagai ruang yang liar, tidak stabil dan memerlukan campur tangan moral Eropah. Dalam konteks ini, pelaut Melayu — yang sebenarnya bertindak mempertahankan sistem perundangan maritim sendiri — dilabel sebagai pengacau yang menggugat keteraturan global.

Lebih mendalam, konsep pelanunan itu sendiri bukanlah satu istilah yang bersifat universal, tetapi tafsiran normatif yang berpihak pada kepentingan kuasa kolonial. Warren (2002) dalam kajian terhadap masyarakat Iranun dan Balangingi membuktikan bahawa aktiviti serangan laut bukanlah semata-mata keganasan rawak, tetapi sebahagian daripada sistem sosial dan ekonomi masyarakat maritim tempatan. Penyerbuan terhadap kapal asing dilakukan bagi tujuan mendapatkan buruh, melindungi wilayah dan memastikan aliran perdagangan seimbang. Namun, kuasa kolonial menghapuskan struktur makna ini dan menggantikannya dengan kerangka jenayah antarabangsa yang sesuai dengan logik imperialisme.

Sumber tempatan seperti *Sejarah Melayu* (1952) memberikan tafsiran yang berbeza sepenuhnya. Tindakan Sultan Melaka mengenakan cukai ke atas kapal asing bukan sahaja sah secara politik, tetapi mencerminkan konsep kedaulatan diraja yang meliputi ruang laut. Penolakan terhadap sistem ini dianggap sebagai pencabulan kehormatan negeri dan tindakan menyerang kapal yang ingkar bukanlah tindakan anarki, tetapi pelaksanaan keadilan yang berpaksikan pada daulat. Pandangan ini diperkuat dalam *Hikayat Hang Tuah* (2017) yang menampilkan laksamana sebagai penjaga perairan strategik yang sah dan wajib. Serangan terhadap kapal yang melanggar protokol adalah satu bentuk pelaksanaan amanah diraja dalam menjaga maruah negeri.

Dalam rangka ini, tafsiran politik Melayu berbeza secara asas dengan kerangka moral Barat. Bagi kuasa kolonial, lautan merupakan ruang bebas (*open sea*) yang terbuka untuk dimanfaatkan untuk eksploitasi ekonomi. Namun bagi kerajaan Melayu, laut merupakan sambungan semula jadi kepada daratan — wilayah berdaulat yang dikawal demi keselamatan, maruah dan keseimbangan politik. Pemikir seperti Shaharir Mohamad Zain (2008) memperkukuh fahaman ini dengan menekankan bahawa dalam falsafah sains Melayu, ruang maritim dilihat sebagai sebahagian daripada ekosistem sejagat. Oleh itu, tindakan mempertahankan laluan laut bukan sahaja sah dari sudut politik, tetapi juga merupakan tanggungjawab dalam kerangka kosmologi budaya Melayu.

Ironinya, sebahagian teks kolonial secara tidak langsung mengesahkan naratif ini. *Dagregisters van het Kasteel Batavia* mencatatkan bahawa pelaut Melayu dan Bugis menyerang kapal Belanda kerana membantah monopoli perdagangan yang menindas oleh Verenigde Oost-Indische Compagnie (VOC) atau Syarikat Hindia Timur Belanda (Coolhaas, 1960). Serangan ini merupakan bentuk penentangan politik terhadap ketidakadilan ekonomi, bukan perbuatan lanun yang berasaskan keuntungan semata-mata. Demikian juga, *Straits Settlements Records* (1830–1867) menunjukkan bahawa pelanggaran perjanjian oleh pihak British menjadi antara pencetus serangan pelaut Melayu. Hal ini membuktikan bahawa tindakan maritim Melayu harus dibaca sebagai bentuk protes terhadap pelanggaran etika antarabangsa dan bukan sebagai jenayah awam.

Pentafsiran semula ini diperkuatkan oleh Reid (1993) yang menyatakan bahawa sebelum kedatangan kuasa Barat, kawalan ke atas laluan laut oleh kerajaan-kerajaan tempatan merupakan norma dalam sistem hubungan antarabangsa Asia Tenggara. Kerajaan seperti Melaka, Aceh dan Johor menstrukturkan kuasa mereka melalui kawalan pelabuhan, pemungutan cukai dan perjanjian pelayaran — suatu sistem yang diterima dan dihormati dalam kalangan kuasa serantau. Pengenalan doktrin *freedom of navigation* oleh kuasa imperialis Barat bukan sekadar memperluas hegemoni pelayaran mereka, tetapi turut mengganggu tatanan maritim yang telah berakar dalam norma tempatan. Doktrin ini yang kononnya berlandaskan prinsip keterbukaan laluan laut, sebenarnya berfungsi sebagai instrumen geopolitik untuk menyingkirkan keabsahan sistem politik dan diplomasi maritim tempatan. Dalam kerangka ini, kehadiran kuasa kolonial bukan sahaja merombak struktur kuasa serantau, malah menggugat kelangsungan amalan diplomasi maritim yang sebelumnya diatur oleh etika perhubungan antara kuasa maritim peribumi.

Lombard (1990) menzahirkan satu dimensi penting dalam pemahaman terhadap pembentukan kuasa politik dalam dunia Melayu, yakni keupayaan kerajaan-kerajaan maritim untuk membina dan mengukuhkan legitimasi bukan sahaja menerusi dominasi daratan, tetapi secara lebih signifikan melalui penguasaan rangkaian laluan laut. Dalam kerangka pemikiran ini, pelabuhan-pelabuhan utama seperti Melaka tidak berfungsi secara pasif sebagai simpul ekonomi semata-mata, tetapi merupakan nadi kepada sistem perhubungan antarabangsa yang kompleks, iaitu sebagai ruang yang mempertemukan diplomasi, ritual simbolik dan transaksi kuasa antara pelbagai entiti politik serantau.

Lombard (1990) menekankan bahawa kuasa maritim Melayu membangunkan wacana kedaulatan yang bertumpu pada penguasaan arteri laut. Oleh itu, pelaut yang mengawal laluan ini harus difahami sebagai ejen pelaksanaan dasar luar negara

dan pelindung keutuhan wilayah, bukan sekadar anarkis bebas yang bertindak di luar kerangka negara. Dalam tradisi ini, tindakan mereka bukan sahaja memelihara keselamatan pelabuhan, tetapi juga mempertahankan kehormatan politik negeri yang bergantung pada penguasaan serta kelangsungan aliran dagang dan diplomasi. Oleh itu, pengklasifikasian mereka sebagai perompak merupakan satu bentuk pembacaan yang terperangkap dalam lensa kolonial yang tidak mengakui struktur dan sistem legitimasi kuasa peribumi yang beroperasi dalam kod epistemologi tersendiri.

Dalam usaha memperkukuh hegemoni ke atas perairan Asia Tenggara, kuasa-kuasa kolonial, khususnya British, memperkenalkan undang-undang anti-pelanun (*anti-piracy*) yang pada zahirnya bertujuan untuk mengekang keganasan maritim. Namun, seperti yang dihuraikan secara kritis oleh Barnard (2003), tindakan ini sebenarnya mencerminkan satu strategi sistematik untuk memansuhkan prerogatif tradisional raja-raja Melayu terhadap ruang laut — suatu wilayah yang sebelumnya merupakan medan kuasa berdaulat yang sah dalam sistem politik serantau. Melalui kerangka legalistik yang berselindung di sebalik wacana “ketenteraman”, kuasa kolonial menstrukturkan semula makna sah-laku terhadap pelayaran, pengutipan cukai dan kawalan perairan, yang selama ini merupakan sumber ekonomi dan asas keabsahan politik kerajaan-kerajaan maritim Melayu.

Serangan terhadap pelaut Melayu tidak semata-mata bersifat fizikal atau ketenteraan, tetapi turut bersifat epistemik — satu bentuk penjajahan makna yang menafikan struktur legitimasi alternatif di luar acuan Barat. Dalam kerangka inilah, pengklasifikasian pelaut Melayu sebagai lanun harus dibaca sebagai usaha kolonial untuk menetapkan monopoli tafsiran terhadap siapa yang berkuasa dan atas dasar apakah kuasa itu dilaksanakan. Tindakan ini menjadikan sejarah sebagai medan pertarungan, bukan sahaja atas fakta, tetapi atas makna; antara sistem maritim peribumi yang berakar pada perimbangan kuasa dan norma timbal balik, dengan struktur kolonial yang mendefinisikan undang-undang melalui unilateraliti kekuasaan.

Dalam kesinambungan wacana ini, Taufik Abdullah (1995) menyeru agar historiografi Asia Tenggara dikonstruksi semula dari lensa dan naratif aktor tempatan. Seruan ini tidak sekadar menuntut perubahan dalam kandungan sejarah, tetapi mencabar cara sejarah difahami dan dinilai. Pelaut Melayu — yang selama ini digambarkan sebagai ancaman — harus dilihat sebagai aktor yang bertindak dalam kerangka rasionaliti politik yang sah, menjalankan tanggungjawab dalam mempertahankan wilayah, mengekalkan jaringan ekonomi serantau, serta melaksanakan diplomasi yang berlandaskan kedaulatan bersama. Mereka bukan sekadar bertindak balas terhadap tekanan luar, tetapi menggerakkan sistem, iaitu

undang-undang adat, peraturan perairan dan tata hubungan antarabangsa yang lestari dan berfungsi sebelum dimarginalkan oleh wacana kolonial.

Persoalan siapakah sebenarnya yang berperanan sebagai lanun dalam sejarah maritim Alam Melayu bukan sekadar pertanyaan semantik, tetapi merupakan inti kepada pertikaian politik yang lebih luas — pertikaian mengenai siapa yang berhak mentafsir kuasa, menetapkan batas wilayah dan menulis sejarah. Dalam kerangka wacana peribumi, tindakan pelaut Melayu tidak terpisah daripada prinsip keadilan, keengganan terhadap monopoli dan tuntutan atas hak ruang yang diwarisi secara sah. Sebaliknya, kuasa kolonial menampilkan naratif keganasan sebagai wacana pengabsahan penaklukan, menjadikan istilah seperti lanun sebagai alat retorik untuk mendiamkan sistem alternatif yang mencabar struktur dominasi. Maka, makna lanun itu sendiri menjadi tapak pergelutan antara dua kosmologi politik — satu yang bertunjangkan pada hierarki imperium dan satu lagi yang berasaskan pada keseimbangan kuasa dan keterhubungan serantau.

Kuasa Maritim dalam Pemikiran Politik Melayu

Pemikiran politik Melayu memperlihatkan pemahaman yang kompleks dan menyeluruh terhadap lautan bukan sekadar sebagai laluan perdagangan, tetapi sebagai medan kedaulatan yang mendefinisikan struktur kekuasaan sesebuah kerajaan. Kuasa maritim tidak dianggap sekadar instrumen ekonomi, tetapi sebagai manifestasi prinsip pemerintahan yang sah — berpaksikan pada maruah, ketertiban dan tanggungjawab. Tradisi ini dapat dikesan dalam sistem kenegaraan kerajaan-kerajaan besar Alam Melayu seperti Srivijaya, Melaka, Johor dan Aceh, yang kesemuanya membina kuasa mereka berasaskan penguasaan terhadap laluan laut strategik.

Kekuatan Srivijaya, misalnya, bertumpu pada dominasi laluan maritim antara India dengan China. Sumber-sumber China mencatatkan Srivijaya di bawah nama *Shi-li-fo-shi* yang berperanan sebagai pengawal kepada aliran perdagangan serantau. Catatan Yi Jing, seorang sami Buddha yang singgah di Srivijaya pada abad ke-7, menyebut bahawa setiap kapal yang menuju ke China perlu membayar ufti kepada pemerintah Srivijaya (Takakusu, 1896). Praktik ini bukan sahaja menandakan kawalan terhadap laluan ekonomi, tetapi lebih penting, mengesahkan pengiktirafan terhadap kedaulatan maritim dalam sistem hubungan antarabangsa Asia Tenggara. Penguasaan laut oleh Srivijaya merupakan bentuk kuasa yang diiktiraf dan bukan dipersoalkan sebagai pencerobohan.

Pandangan ini turut mendapat pengesahan melalui sumber luar. Dalam catatan Zhao Rugua, pelabuhan Melayu seperti Palembang dan Melaka mewajibkan

pembayaran cukai terhadap kapal asing (Zhao, 1225). Hal ini menunjukkan pengiktirafan bahawa kuasa maritim adalah sah dan dihormati dalam rangka sistem hubungan antarabangsa. Bahkan, rekod Dinasti Ming dalam *Ming Shilu* mencatatkan bahawa kerajaan China mengakui kedaulatan Melaka melalui hubungan tributari (Wade, 2005). Melaka tidak dianggap sebagai sekadar pelabuhan, tetapi sebagai negara berdaulat dengan keabsahan kuasa terhadap laluan perairannya.

Seperti yang ditegaskan oleh Andaya dan Andaya (2001), pelabuhan-pelabuhan dalam Alam Melayu tidak pernah wujud sekadar sebagai simpul ekonomi; sebaliknya disifatkan sebagai ruang politik yang rencam – tempat di mana simbol, protokol dan kekuasaan diraja dipentaskan secara aktif. Pelabuhan menjadi medan bagi kedaulatan yang tidak hanya diisytiharkan, tetapi juga dipertimbangkan melalui tatacara yang telah dikodifikasikan dalam budaya diplomasi serantau. Dalam persekitaran yang sebegini, peranan pelaut tempatan jauh melampaui batas tugas teknikal atau ketenteraan semata-mata. Mereka berfungsi sebagai "pemanjangan tangan" kuasa negeri — melaksanakan tanggungjawab pengawasan terhadap perairan bukan atas dasar peribadi, tetapi sebagai pelaku dalam struktur kenegaraan yang sah dan tersusun.

Pelaut tempatan juga bukan sekadar "penjaga" laut, tetapi berperanan sebagai "penegak" aturan geopolitik yang memantau pergerakan asing, menegakkan undang-undang pelayaran dan memastikan bahawa setiap kemasukan ke ruang maritim negeri berlaku dalam kerangka penghormatan terhadap autoriti politik tempatan. Tindakan seperti menahan, menegur atau menyerang kapal asing yang melanggar protokol wilayah harus difahami sebagai manifestasi kuasa berdaulat, bukan sebagai tingkah laku liar yang berlandaskan keuntungan peribadi. Dalam kerangka ini, tindakan pelaut Melayu merupakan pelaksanaan amanah kenegaraan dalam bentuknya yang paling konkrit dan langsung — satu bentuk tindakan politik yang berakar dalam sistem nilai dan norma antarabangsa serantau yang berbeza daripada acuan Eropah.

Apabila pelaut-pelaut ini dilabel sebagai "lanun" oleh kuasa kolonial, perkara tersebut bukan semata-mata satu kesilapan klasifikasi, tetapi satu tindakan diskursif yang memadamkan keseluruhan struktur epistemik yang meletakkan mereka dalam posisi sah kuasa. Dalam tindakan penamaan itu terkandung satu projek hegemoni — di mana takrif tentang siapa yang sah dan siapa yang subversif ditentukan oleh logik kuasa kolonial yang berusaha menundukkan segala bentuk sistem legitimasi alternatif. Penafian terhadap konteks struktur, fungsi dan etika pelaut tempatan bukan sahaja menyempitkan pemahaman sejarah maritim Alam Melayu, tetapi turut menghapuskan memori politik yang mengandungi makna kedaulatan tempatan yang berfungsi secara lestari sebelum diganggu oleh naratif kolonial.

Dalam logik politik prakolonial, kawalan terhadap laut bukanlah satu bentuk monopoli kekuatan yang berasaskan penaklukan semata-mata, tetapi satu sistem hubungan yang bersifat timbal balik. Reid (1993) menegaskan bahawa kerajaan-kerajaan Melayu memiliki hak penuh untuk mengatur cukai pelayaran, menyekat laluan dan menentukan bentuk serta syarat perundingan dengan pedagang luar. Hak-hak ini bukan sahaja diterima sebagai norma antarabangsa di rantau ini, malah menjadi dasar pada kelangsungan politik dan ekonomi negara-negara tersebut. Namun, apabila kuasa kolonial memperkenalkan konsep *freedom of navigation*, sistem yang berasaskan pengiktirafan dan kuasa tempatan ini dicabar secara langsung. Doktrin Barat ini meletakkan lautan sebagai milik bersama yang bebas dilayari oleh sesiapa sahaja, sekali gus menafikan keabsahan struktur kawalan maritim kerajaan tempatan yang telah berakar sejak sekian lama.

Penolakan terhadap struktur ini bukan sekadar melibatkan isu teknikal pelayaran, tetapi membawa kesan mendalam terhadap sistem pemikiran politik Melayu itu sendiri. Milner (2008) menghuraikan bahawa konsep daulat dalam politik Melayu tidak terhad pada penguasaan atas tanah semata-mata, sebaliknya meliputi seluruh ruang pemerintahan termasuk wilayah laut. Kedaulatan raja tidak dapat dipisahkan daripada tanggungjawab untuk melindungi perairan negeri kerana lautan dianggap sebagai sambungan langsung kepada tubuh politik negara. Sehubungan dengan itu, tindakan mempertahankan laluan laut — sama ada melalui kutipan cukai atau tindakan terhadap kapal yang melanggar protokol — merupakan sebahagian daripada pelaksanaan amanah kedaulatan yang diberikan kepada pemerintah. Dalam tradisi ini, mempertahankan laut tidak dianggap sebagai pilihan strategi, tetapi sebagai kewajipan asas seorang raja yang berdaulat.

Di samping dimensi politik, kuasa maritim juga merangkumi makna kosmologikal yang mendalam. Shaharir Mohamad Zain (2008) menyatakan bahawa dalam epistemologi sains Melayu, laut bukan sekadar entiti fizikal atau ekonomi, tetapi sebahagian daripada sistem keseimbangan semesta yang menyatukan manusia, alam dan Tuhan. Dalam sistem ini, lautan difahami sebagai ruang sakral yang tidak boleh dipisahkan daripada struktur moral dan tanggungjawab sosial pemerintah. Oleh itu, sebarang pelanggaran terhadap protokol maritim oleh kuasa asing tidak hanya dianggap sebagai pencabulan wilayah politik, tetapi juga sebagai gangguan terhadap keseimbangan yang memelihara keharmonian sejagat. Tindakan mempertahankan laluan laut — termasuk menahan, menyerang atau menyekat kapal yang melanggar norma — merupakan sebahagian daripada usaha menegakkan keseimbangan antara manusia dengan alam, serta antara kuasa dan tanggungjawab.

Kefahaman politik Melayu terhadap kuasa maritim tidak terhad kepada aspek kawalan fizikal ke atas laluan laut semata-mata, sebaliknya mencerminkan satu

sistem nilai yang menyatukan dimensi politik, etika dan kosmologi sebagai asas legitimasi pemerintahan. Dalam kerangka ini, lautan tidak dilihat sebagai ruang bebas yang neutral, tetapi sebagai medan kedaulatan yang sarat dengan makna moral dan tanggungjawab spiritual. Tindakan mempertahankan wilayah perairan bukanlah tindakan bersifat taktikal atau *ad hoc*, tetapi merupakan perintah struktural dalam rangka kuasa diraja yang melihat maritim sebagai lanjutan kepada tubuh politik negara.

Oleh itu, apabila Barat mentafsir tindakan pelaut Melayu sebagai bentuk keganasan maritim atau jenayah antarabangsa, perkara tersebut bukan sekadar kesilapan tafsiran konteks, tetapi satu bentuk perampasan makna yang disengajakan. Penjenamaan ini memutuskan hubungan tindakan daripada epistemologi yang mengasaskannya, lalu mengalihkan makna daripada “tanggungjawab berdaulat” kepada “ancaman peradaban”. Di sinilah berlangsung proses kolonial terhadap makna — tindakan yang sah menurut logik tempatan dikaburkan melalui wacana imperial yang bersifat hegemonik. Hal ini bukan semata-mata pertembungan kekuatan fizikal, tetapi pergelutan pengetahuan yang memperlihatkan bagaimana dua sistem epistemologi — kolonial Eropah dan politik Melayu saling bersilang, namun tidak seimbang dari segi kuasa mentafsir.

Pelaut Melayu dalam kerangka ini bukan sekadar entiti yang digerakkan oleh kepentingan ekonomi atau dorongan untung rugi semata-mata, sebaliknya merupakan pelaksana mandat kenegaraan yang berpaksikan falsafah politik yang holistik. Mereka memikul tanggungjawab mempertahankan maruah negeri, memelihara keseimbangan dalam hubungan diplomatik serta menjaga kelestarian kosmologi wilayah yang menghubungkan darat dan laut sebagai sebuah kesatuan kuasa. Tindakan mereka adalah berasaskan logik pemerintahan yang sah dan bukan tindakan rawak yang menyalahi undang-undang seperti yang sering digambarkan dalam naratif kolonial.

Wacana kolonial yang mengklasifikasikan mereka sebagai lanun telah menggelapkan bukan sahaja peranan sebenar mereka, tetapi juga memadamkan keseluruhan sistem nilai yang memberikan legitimasi terhadap tindakan tersebut. Penolakan terhadap status mereka sebagai aktor politik yang sah dalam sejarah tempatan menyebabkan pelaut Melayu disisihkan daripada naratif arus perdana, lalu digantikan dengan imej stereotaip yang sengaja dicipta untuk menyokong agenda imperial. Perkara ini membentuk keganasan simbolik yang lebih halus dan terselindung — tidak bersifat fizikal, tetapi beroperasi melalui bahasa dan makna yang menyingkir serta membisukan epistemologi tempatan.

Pembacaan semula terhadap peranan pelaut Melayu perlu melangkaui batas kategori sempit seperti “perompak” atau “penjenayah” dan sebaliknya menempatkan

mereka kembali dalam kerangka kuasa yang sah, berakar dalam struktur politik serantau serta menyumbang secara aktif kepada keseimbangan geopolitik sebelum gangguan kolonial mengubah paksi sejarah wilayah ini.

Pertentangan Wacana dan Implikasi Epistemologi

Projek kolonial terhadap Alam Melayu bukan semata-mata bertumpu pada penguasaan fizikal terhadap ruang geografi, tetapi turut merangkumi usaha sistematik untuk mendominasi makna, tafsiran dan cara masyarakat tempatan memahami dunia mereka sendiri. Dalam konteks maritim Melayu, bentuk penjajahan ini menjelma secara nyata melalui pemaksaan istilah dan konsep seperti pelanunan (*piracy*) yang diperkenalkan oleh kuasa kolonial — terutamanya British — dalam kerangka undang-undang antarabangsa abad ke-19. Melalui proses ini, tindakan pelaut Melayu yang sebelumnya beroperasi dalam struktur politik dan ekonomi yang diiktiraf secara tempatan telah diterjemah semula melalui lensa moral dan legalistik Barat, menjadikannya subjek kepada penilaian unilateral berdasarkan nilai universal yang asing dari konteks sosial dan budaya setempat.

Konsep pelanunan (*piracy*) sebagaimana yang ditafsirkan oleh kolonial bukan bersifat neutral, sebaliknya merupakan artikulasi kuasa — suatu mekanisme untuk mengesahkan hak eksklusif kuasa kolonial dalam menentukan siapa yang berhak menggunakan laut dan atas alasan apa. Melalui penamaan ini, ruang maritim Melayu yang sebelumnya dikawal menerusi struktur kuasa tempatan dan adab perhubungan antarabangsa serantau, telah dipetakan semula sebagai kawasan “tidak bertuan” yang kononnya memerlukan pengawalan “beradab” oleh kuasa luar. Oleh itu, penyingkiran konteks politik dan kosmologi tempatan dari dalam wacana rasmi tentang pelayaran membolehkan tindakan kolonial dipersembahkan sebagai intervensi sah, manakala penentangan peribumi diangkat sebagai ancaman yang tidak rasional dan menyalahi undang-undang.

Dalam dokumen seperti *The British Dependencies in the Malay Indies*, istilah lanun dan “kekacauan” sering dijadikan asas pada keperluan perluasan pengaruh British di negeri-negeri Melayu (Lucas, 1921). Retorik ini kemudian menjadi naratif utama yang mendasari langkah-langkah formalisasi penjajahan seperti Perjanjian Pangkor 1874 serta pelbagai operasi ketenteraan berikutnya. Namun, pembacaan yang lebih tajam terhadap teks-teks kolonial ini mendedahkan satu corak konsisten di mana bentuk kekacauan yang dijadikan alasan intervensi itu lazimnya berpunca daripada konflik luaran — persengketaan kongsi gelap Cina, pelaburan kapitalis Eropah dan perebutan konsesi sumber — yang kemudiannya diposisikan sebagai kelemahan dalaman sistem pemerintahan Melayu. Taktik ini memperlihatkan bagaimana epistemologi kolonial beroperasi — dengan mencipta kekacauan sebagai prasyarat untuk menghadirkan diri sebagai penyelamat.

Oleh itu, istilah *pelanunan* (*piracy*) tidak seharusnya dibaca semata-mata sebagai rujukan kepada tindakan maritim yang melanggar undang-undang, tetapi harus ditanggapi sebagai konstruksi retorik yang memainkan peranan dalam penstrukturan semula kuasa dan legitimasi. Istilah tersebut merupakan sebahagian daripada projek besar kolonial untuk menstabilkan naratif dominan melalui penciptaan imej kekacauan yang memerlukan intervensi luar, namun pada masa yang sama menyingkirkan sistem nilai, struktur politik dan logik kuasa tempatan yang tidak sejajar dengan agenda imperialis. Dalam wacana ini, siapa yang digelar lanun bukan bergantung kepada tindakan, tetapi kepada siapa yang berkuasa mentafsir tindakan tersebut, dan dalam rangka makna siapa tafsiran itu diterima sebagai sah.

The Malay Peninsula oleh Wright dan Reid (1908) jelas mengakui bahawa banyak ketidak tenteraman maritim bukan berpunca daripada pelaut Melayu, tetapi dari pertikaian dalaman masyarakat pendatang. Namun begitu, naratif kolonial tetap menyandarkan segala ketidak teraturan kepada pelaut tempatan. Di sinilah berlakunya apa yang disebut sebagai “politik penamaan” — satu proses di mana kuasa dominan menentukan bukan sahaja sifat sesuatu tindakan, tetapi juga kerangka makna yang melingkupinya. Dalam konteks ini, istilah lanun menjadi label yang sarat dengan penghakiman moral dan bukannya kategori undang-undang semata-mata.

Tafsir kolonial sebegini membawa implikasi besar. Dengan mentakrifkan tindakan mempertahankan perairan sebagai *pelanunan*, ruang untuk memahami pelaut Melayu sebagai pelaku politik yang sah dalam sistem hubungan antarabangsa serantau telah ditutup. Tindakan seperti pengawalan laluan strategik, pengutipan cukai pelayaran dan penolakan terhadap monopoli perdagangan asing tidak lagi dibaca sebagai bentuk pelaksanaan kedaulatan, tetapi sebagai ancaman kepada “ketenteraman antarabangsa”. Di sinilah berlakunya penjajahan makna — satu bentuk dominasi epistemik yang lebih halus berbanding penaklukan fizikal.

Dalam konteks ini, kuasa kolonial tidak hanya bertindak sebagai entiti ketenteraan, tetapi sebagai penguasa wacana. Seperti yang diuraikan oleh Foucault (1972), kuasa berfungsi bukan semata-mata melalui paksaan, tetapi melalui kawalan terhadap tafsiran, pengkategorian dan pengedaran makna. British, melalui wacana keselamatan dan perdagangan bebas, menguasai perbualan global tentang siapa yang layak dianggap sah dan siapa yang perlu dihapuskan. Pelaut Melayu yang mempertahankan maruah negeri akhirnya terkepung dalam satu sistem makna yang menolak agensi dan rasional tindakan mereka.

Satu daripada aspek yang penting untuk disedari ialah penyingkiran epistemologi tempatan daripada kerangka hubungan serantau telah meruntuhkan struktur diplomasi maritim yang telah berfungsi secara stabil sejak berabad-abad. Sebelum kedatangan kuasa Barat, laluan laut di Alam Melayu diatur melalui protokol

kehormatan, diplomasi pelabuhan dan sistem tributari yang diiktiraf oleh semua kuasa serantau. Raja dan laksamana bukan sahaja mengawal laut secara fizikal, tetapi juga mentadbirnya mengikut nilai budaya yang menjamin keseimbangan dan keadilan. Maka, penggantian sistem ini dengan doktrin seperti *freedom of navigation* bukan sahaja menyingkirkan kawalan politik, tetapi juga memutuskan akar budaya terhadap ruang maritim.

Kekaburan yang dicetuskan oleh naratif kolonial menjadikan istilah seperti “keamanan”, “kemajuan” dan “perdagangan bebas” sebagai eufemisme bagi penguasaan hegemoni. British yang berselindung di sebalik prinsip keteraturan antarabangsa sebenarnya menggunakan wacana ini untuk menghapuskan segala bentuk penentangan terhadap kepentingan ekonomi dan geopolitik mereka. Pelaut Melayu yang menolak kehadiran kapal asing tanpa izin tidak lagi dianggap pelindung wilayah, tetapi dilabel sebagai pengacau atau pengganas ekonomi. Proses ini memindahkan agensi politik tempatan ke dalam ruang jenayah antarabangsa yang disusun menurut logik kapitalisme imperialis.

Kesan daripada pembentukan wacana ini bukan sahaja merosakkan pemahaman sejarah, tetapi terus membentuk persepsi semasa. Imej pelaut Melayu sebagai lanun masih menghantui imaginasi popular, pendidikan dan wacana arus perdana. Gambaran ini bukan sahaja tidak tepat, malah secara langsung menindas warisan politik yang telah berfungsi dan sah sebelum era kolonial. Pelaut Melayu telah dilucutkan status mereka sebagai subjek sejarah; mereka tidak lagi dibaca sebagai pelaku strategik tetapi sebagai anasir kekacauan yang perlu ditundukkan. Perkara ini merupakan bentuk kekerasan wacana yang menyempitkan kemungkinan alternatif terhadap sejarah.

Pertentangan wacana ini bukan sekadar isu semantik, tetapi merupakan perebutan hak untuk mentafsir dunia. Perkara ini membabitkan persoalan siapa yang berhak menamakan, siapa yang berhak mentakrif kedaulatan, dan siapa yang berhak menulis sejarah. Dalam pergelutan ini, kuasa kolonial bukan sahaja menundukkan wilayah Melayu, tetapi turut menakluk kemungkinan pemikiran — menjadikan epistemologi tempatan sebagai sesuatu yang dianggap tidak sah, tidak moden dan perlu digantikan. Hal ini disokong oleh Farish A. Noor (2021) yang menegaskan bahawa abad ke-19 bukan hanya era penjajahan geografi, tetapi era penetapan dan penguncian makna. Sejarah yang ditulis pada zaman itu terus membayangi bagaimana Asia Tenggara difahami hari ini — termasuklah dalam isu siapa yang dilihat sebagai pembela atau penjenayah.

Bayang panjang inilah yang menjadi struktur asas kepada penghapusan agensi pelaut Melayu dalam naratif arus perdana. Istilah dan naratif yang dicipta pada abad ke-19 terus dipelihara dalam sistem pendidikan dan imaginasi kolektif hingga

kini. Oleh itu, pemulihan sejarah maritim bukan sekadar pengesahan fakta, tetapi satu usaha membebaskan ruang makna yang telah dijajah. Hal tersebut menuntut penulisan semula yang berani dan berpaksikan nilai tempatan.

Penulisan sejarah maritim yang baharu mesti bermula dengan penolakan terhadap istilah, kategori dan logik kolonial. Istilah seperti lanun, tidak bertamadun atau pengacau perdagangan tidak boleh digunakan tanpa dikritik kerana istilah tersebut dibina dalam rangka kuasa yang menafikan agensi politik tempatan. Sejarah baharu perlu digerakkan dari dalam — daripada epistemologi Melayu yang mengiktiraf bahawa tindakan pelaut tempatan lahir daripada sistem nilai yang sah, berstruktur dan berpaksikan kepada konsep daulat.

Dalam kerangka ini, pelaut Melayu harus dikembalikan kepada kedudukan asal mereka iaitu sebagai pelaksana tanggungjawab berdaulat — bukan sekadar pengawal sempadan laut, tetapi pelindung kepada maruah negeri dan penstabil hubungan antarabangsa serantau. Mereka bertindak berdasarkan hukum adat, protokol diraja dan tanggungjawab politik yang sah. Tindakan mereka — sama ada mengutip cukai, menyekat laluan atau menyerang kapal asing bukanlah perbuatan rawak, tetapi manifestasi kuasa yang sah dalam ekosistem politik maritim yang diiktiraf.

Mereka juga harus difahami sebagai pelaku sejarah yang rasional, berstrategi dan berakar dalam keupayaan menyesuaikan diri dengan realiti politik serantau, bukannya sebagai entiti statik yang gagal menghadapi dunia moden. Dalam sistem politik Melayu yang bertunjangkan konsep daulat, tindakan maritim bukan semata-mata soal pertahanan geografi, tetapi merupakan manifestasi kuasa spiritual dan moral pemerintah yang merangkumi rakyat serta seluruh wilayah kekuasaan, termasuk lautan sebagai lanjutan kedaulatan.

Penulisan sejarah yang mengabaikan dimensi ini bukan sahaja menghasilkan naratif yang pincang dari segi ketepatan fakta, tetapi turut menindas asas-asas keadilan epistemologi. Hal tersebut mengekalkan satu bentuk pemikiran hierarkis yang meletakkan sistem pengetahuan kolonial sebagai norma tunggal, sambil menafikan kebolehan masyarakat tempatan untuk mentafsir tindakan dan struktur kuasa mereka sendiri secara sah dan bermakna. Pembetulan terhadap ketempangan ini bukan hanya suatu keperluan ilmiah, tetapi juga tuntutan moral terhadap cara kita memahami warisan politik dan sejarah maritim Alam Melayu.

Oleh itu, wacana baharu yang digerakkan harus berpaksikan pada penghormatan terhadap agensi tempatan — kemampuan masyarakat Melayu untuk mentafsir tindakan sendiri dalam sistem makna mereka. Hal ini memerlukan pembacaan semula sumber tradisional, tafsiran semula tindakan sejarah dan penciptaan naratif alternatif yang bukan sahaja mengembalikan fakta, tetapi memulihkan martabat pemikiran tempatan dalam sejarah global.

Penguasaan epistemologi oleh kuasa kolonial tidak berlaku dalam ruang kosong, sebaliknya dibina secara sistematik melalui institusi, teks dan amalan pentadbiran yang berakar dalam dominasi makna. Penjajahan bukan hanya menundukkan jasad, tetapi turut menawan makna dan kefahaman terhadap sejarah, kuasa dan kedaulatan. Dalam hal ini, pemaksaan istilah seperti lanun (*pirate*) terhadap pelaut Melayu mencerminkan satu bentuk penjajahan mental dan simbolik yang membenarkan pengguguran hak pelaut Melayu untuk mentafsir tindakan mereka dalam sistem nilai tersendiri.

Dalam kerangka epistemologi Melayu, pelaut bukan sekadar individu yang beroperasi di perairan, tetapi mereka merupakan sambungan kuasa pemerintahan. Dalam konteks Melaka, Johor dan Aceh, pelaut mempunyai status hukum, adat dan protokol tertentu yang memposisikan mereka sebagai pelaksana undang-undang negeri. Mereka membawa mandat raja dan setiap tindakan — dari kutipan cukai hinggalah tindakan ketenteraan — dilakukan dalam kerangka sistem politik tersusun. Apabila kuasa kolonial menafsir semua tindakan ini sebagai pelanunan, maka terpadamlah keseluruhan sistem legitimasi tempatan yang menyokongnya.

Tindakan pengguguran makna ini mempunyai kesan jangka panjang terhadap struktur pengetahuan dan naratif nasional. Dalam sistem pendidikan moden pascakolonial, naratif tentang pelaut Melayu sering kali diteruskan melalui lensa kolonial — lanun yang tidak bertamadun, menggugat perdagangan dan tiada sistem politik yang tersusun. Kesan daripada pengulangan naratif ini ialah masyarakat tempatan mula mempercayai bahawa nenek moyang mereka tiada keupayaan mentadbir laut, bahawa mereka ialah pengacau yang memerlukan ketundukan kepada kuasa luar.

Perbandingan antara teks kolonial dengan teks tradisional seperti *Sejarah Melayu* membuka ruang kepada pembacaan kontras yang ketara. Dalam *Sejarah Melayu*, lautan dilihat sebagai ruang kuasa raja, tempat penzahiran daulat serta tapak hubungan antarabangsa. Setiap kapal yang berlayar ke Melaka harus tunduk kepada undang-undang pelabuhan — yang bukan sahaja berfungsi sebagai peraturan komersial, tetapi juga sebagai pengiktirafan kepada kedaulatan raja. Berbeza dengan itu, teks kolonial seperti Lucas (1921) dan Wright & Reid (1908) hanya menampilkan laluan laut sebagai ruang bebas tanpa kuasa yang sah.

Wacana kolonial juga bergantung kepada penciptaan musuh. Dalam pembinaan imej pelaut Melayu sebagai lanun, pengkelasan yang sedang dibina bukan hanya identiti pelaut, tetapi justifikasi kehadiran kolonial itu sendiri. Kuasa kolonial perlu mewujudkan ancaman untuk memposisikan diri sebagai penyelamat. Hal ini selari dengan hujahan Said (1978) bahawa kolonialisme mencipta “Other” yang digambarkan sebagai ganas dan tidak rasional demi memperkukuh naratif bahawa

penjajah bertindak sebagai agen kestabilan. Oleh itu, pelaut Melayu dikonstruksi sebagai elemen pengacau bagi mengabsahkan tindakan kolonial sebagai sesuatu yang munasabah dan bermoral.

Kritikan terhadap wacana kolonial ini harus melibatkan bukan sahaja teks dan naratif, tetapi juga kaedah bagaimana sejarah ditulis dan diterbitkan. Historiografi kolonial memiliki tapak institusi yang kuat, iaitu sekolah kolonial, arkib kerajaan, jurnal rasmi dan laporan pentadbiran. Setiap teks ini memperkuat sistem makna yang menyokong naratif dominan. Sebaliknya, sejarah lisan, hikayat dan manuskrip tempatan dipinggirkan, dikategorikan sebagai sastera, dan bukan sebagai dokumen sejarah. Oleh itu, pemulihan epistemologi Melayu mesti melibatkan pengiktirafan semula sumber-sumber ini sebagai naskhah sejarah yang sah.

Kembalinya pelaut Melayu ke dalam sejarah bukan sekadar soal pengiktirafan simbolik. Perkara tersebut menuntut penstrukturan semula seluruh kerangka tafsiran tentang apa itu kuasa, siapa yang layak menegakkannya dan bagaimana hal tersebut ditulis dalam sejarah. Dengan menolak tafsiran kolonial dan mengangkat kerangka tempatan — daripada konsep daulat hingga sistem pelabuhan dan protokol diplomatik — sejarah maritim Melayu dapat ditulis semula sebagai naratif kekuasaan yang sah, bukan naratif ketidakteraturan.

KESIMPULAN

Makalah ini mengemukakan hujah bahawa pelabelan pelaut Melayu sebagai pelanun merupakan manifestasi konstruk kuasa kolonial yang berpaksikan epistemologi Barat. Epistemologi ini berfungsi menyingkirkan kesahihan sistem politik maritim tempatan melalui pembentukan naratif yang menafsir semula tindakan mempertahankan wilayah sebagai jenayah. Istilah pelanun tidak digunakan dalam kerangka takrifan tempatan, sebaliknya diperalat sebagai instrumen hegemonik untuk merendahkan legitimasi kerajaan-kerajaan maritim Melayu serta mengabsahkan peluasan kuasa kolonial.

Tafsiran yang bersumber daripada wacana kolonial tidak bersifat neutral. Tafsiran tersebut menolak struktur pengetahuan masyarakat Melayu dan menggantikannya dengan kerangka tafsiran luar yang bersifat unilateral. Kajian terhadap teks kolonial seperti *Jaddi the Malay Pirate* dan *The British Dependencies in the Malay Indies*, di samping teks tradisional seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*, menunjukkan pertembungan antara dua sistem epistemologi yang berbeza dalam menilai konsep kedaulatan, keadilan dan kuasa dalam ruang perairan.

Makalah ini juga menegaskan bahawa kewujudan pelaku jenayah maritim dalam kalangan orang Melayu tidak mewakili keseluruhan pelaut Melayu.

Penjajah sering melakukan generalisasi yang menyamakan pelaut yang sah dengan pelanggar undang-undang demi mengaburkan fungsi mereka sebagai aktor dalam struktur kenegaraan. Oleh itu, penulisan sejarah maritim perlu dilakukan secara kritis, dengan berpaksikan kefahaman tempatan dan bukan bergantung pada kerangka penafsiran luar.

Dekolonisasi sejarah maritim memerlukan keberanian intelektual dan moral untuk menolak naratif yang menindas serta mengangkat semula agensi pelaut Melayu sebagai penjaga kedaulatan dan pelaksana struktur politik yang sah. Sejarah maritim Alam Melayu tidak wajar difahami secara kronologi semata-mata, tetapi sebagai ruang perebutan makna antara dua sistem pengetahuan yang tidak setara. Pemulihan naratif ini menuntut pengiktirafan terhadap nilai tempatan dalam memahami keteraturan, keadilan dan struktur kuasa dalam wilayah perairan yang sah.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim dan Kementerian Pendidikan Malaysia atas sokongan yang sewajarnya dalam penghasilan makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Andaya, L. Y. (1975). *The Kingdom of Johor 1641–1728: A study of economic and political developments in the Straits of Melaka*. Oxford University Press.
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (2001). *A history of Malaysia (Edisi kedua)*. Palgrave.
- Andaya, L. Y. (2008). *Leaves of the same tree: Trade and ethnicity in the Straits of Melaka*. University of Hawaii Press.
- Barnard, T. P. (2003). *Multiple centers of authority: Society and environment in Siak and Eastern Sumatra, 1674–1827*. KITLV Press.
- Brown, C. C. (1952). *Sejarah Melayu or Malay Annals: An annotated translation*. Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.
- Coolhaas, W. P. (Ed.). (1960). *Dagregisters van het Kasteel Batavia*. Nijhoff.
- Farish A. Noor. (2021). *The long shadow of the 19th century: Critical essays on colonialism in Southeast Asia*. Matahari Books.
- Fairclough, N. (1992). *Discourse and social change*. Polity Press.
- Foucault, M. (1972). *The archaeology of knowledge and the discourse on language* (A. M. Sheridan Smith, Terj.). Pantheon Books. (Karya asal diterbitkan pada 1969).
- French, J. L. (Ed.). (1922). *Jaddi the Malay pirate*. Dlm. J. L. French, *Great pirate stories* (hlm. 240–246). Brentano's.
- Gadamer, H. G. (1975). *Truth and method* (J. Weinsheimer & D. G. Marshall, Terj., Edisi kedua). Continuum.
- Kassim Ahmad. (2017). *Hikayat Hang Tuah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kirk, R. (2007). *Enrique's journey: The story of Enrique of Malacca, Magellan's interpreter and first circumnavigator of the world*. Maritime Historical Press.
- Lombard, D. (1990). *Le carrefour javanais: Essai d'histoire globale (Vols. 1–3)*. Éditions de l'École des Hautes Études en Sciences Sociales.
- Logan, J. R. (1849). *The piracy and slave trade of the Indian Archipelago*. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, 3, 1–60.
- Lucas, C. P. (1921). *The British dependencies in the Malay Indies*. Clarendon Press.
- Mills, L. A. (2003). *British Malaya, 1824–67*. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. (Karya asal diterbitkan pada 1925)
- Milner, A. (2008). *The Malays*. Wiley-Blackwell.
- Milner, A. (1982). *Kerajaan: Malay political culture on the eve of colonial rule*. University of Arizona Press.
- Pocock, J. G. A. (2009). *Political thought and history: Essays on theory and method*. Cambridge University Press.
- Reid, A. (1993). *Southeast Asia in the age of commerce, 1450–1680, Volume Two: Expansion and crisis*. Yale University Press.
- Ricoeur, P. (1984). *Time and narrative* (K. McLaughlin & D. Pellauer, Terj.). University of Chicago Press.
- Said, E. W. (1978). *Orientalism*. Pantheon Books.
- Shaharir Mohamad Zain. (2008). *Falsafah sains Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Skinner, Q. (2002). *Visions of politics: Volume I: Regarding method*. Cambridge University Press.

- Straits Settlements Government. (1830–1867). *Straits Settlements Records*. Colonial Office Archives, CO Series. British Colonial Office / National Archives (UK) / Arkib Negara Malaysia.
- Taufik Abdullah. (1995). *Historiografi Indonesia: Antara masa lalu dan masa depan*. Gramedia.
- Takakusu, J. (Trans.). (1896). *A record of the Buddhist religion as practised in India and the Malay Archipelago (A.D. 671–695) by I-Tsing*. Clarendon Press.
- Ungku Abdul Aziz. (1980). *Masalah pembangunan negara dan peranan budaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wade, G. (Ed. & Trans.). (2005). *Southeast Asia in the Ming Shi-lu: An open access resource*. Asia Research Institute and the Singapore E-Press, National University of Singapore.
- Warren, J. F. (2002). *Iranun and Balangingi: Globalization, maritime raiding and the birth of ethnicity*. Singapore University Press.
- Wright, A., & Reid, T. H. (1908). *The Malay Peninsula: A record of British progress in the Middle East*. A. Constable & Co.
- Zhao, R. (1225). *Zhu fan zhi [Records of foreign lands]* (J. Smith, Terj., 2000, Ed.). Foreign Languages Press. (Karya asal diterbitkan 1225)